

'Jangan perlekeh Umno Kelantan'

UMNO Kelantan meminta pemimpin tidak memperlekeh mereka dengan mengatakan parti itu tidak akan dapat mengalahkan Pas pada pilihan raya umum akan datang kerana kenyataan seumpama itu boleh memberi kesan kepada po-

litik negeri itu.

Wakil Kelantan, Datuk Ibrahim Ali, berkata dalam banyak kursus yang dijalankan, peserta sering diberitahu bahawa Kelantan akan kalah sekali lagi pada pilihan raya.

"Dalam kursus selalunya

ditanya Kelantan dan Terengganu macam mana dan jawapan yang diberi ialah Terengganu boleh...Kelantan...tak boleh menang.

"Saya kecil hati, lekeh ke kita ni... saya setakat kawal bola di luar saja. Datuk

(Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) ada pemain yang baik atas ni (pentas). Cuma bila ada yang cedera, barulah pemain simpanan masuk.

"Kita berjuang bukan untuk kepentingan diri. Walaupun kita lemah, saya dan Umno Kelantan lain akan cuba rampas Kelantan pada pilihan raya akan datang," katanya.

Ibrahim berkata, sebenarnya kekalahan Umno di Kelan-

tan bukan saja memberi kesan kepada pemimpin parti negeri tetapi juga semua pemimpin termasuk Presiden.

Sehubungan itu beliau juga menyarankan Dr Mahathir supaya tidur di Kelantan bagi membantu Umno negeri memenangi pilihan raya.

"Datuk jadi pengerusi 10 tahun (pengerusi perhubungan Umno Kelantan), sekalipun Datuk tak tidur di Kelantan... kalau pergi malam balik. Jadi kalau nak rampas Kelantan, buat macam Datuk tidur di Langkawi. Hujung minggu pergi tidur... buat tu buat ni. Sekarang pun Datuk dah jadi kerabat Kelantan, kawan baik Sultan Kelantan.

"Saya sokong Datuk pergi sana-sini seluruh dunia tapi pada masa sama, saya tidak mahu Datuk gagal lawan Pas.

"Jika gagal melawan barua (Pas) ini bermakna Datuk juga gagal. Saya bukan cuba pertahankan Umno Kelantan tetapi ini adalah tanggungjawab bersama," katanya ketika membahaskan ucapan Presiden.